

**MEMO PENDAFTAR BIL.09/2017**

**KEPADA : SEMUA STAF AKADEMIK  
UNIVERSITI SELANGOR**

**DARIPADA : TUAN HAJI SHAMSUL AZHAR BIN MOHD YUSOF  
PENDAFTAR**

**TARIKH : 11 Mei 2017**

**NO.RUJUKAN : ( 67) dlm.UNISEL/PP/01.10**

**PERKARA :PERINGATAN BERHUBUNG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA  
PENGAWAS PEPERIKSAAN**

*Assalamua'laikum wrt. Wbt & Salam Sejahtera*

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Khas Peperiksaan pada 8 Mei 2017 telah membuat ketetapan berhubung Tugas dan Tanggungjawab Ketua Peperiksaan di Bilik Peperiksaan supaya lebih tegas dan fokus terhadap pengawasan peperiksaan.

Sehubungan itu, semua Ketua Pengawas yang dilantik adalah diminta untuk memberi perhatian terhadap perkara berikut :-

1. Mengambil maklum berkaitan tugas dan tanggungjawab Ketua Pengawas yang diedarkan melalui surat pelantikan dan di portal staf.
2. Hadir mengikut masa yang ditetapkan.
3. Tidak meninggalkan Bilik Peperiksaan tanpa sebab yang dibenarkan oleh Ketua Sekretariat Peperiksaan.
4. Tidak melakukan apa-apa aktiviti seperti penandaan skrip jawapan peperiksaan, membaca surat khabar, majalah, buku dan makan di dalam Bilik Peperiksaan.
5. Tidak menggunakan telefon bimbit dengan kerap dan lama hingga mengabaikan tugas pengawasan peperiksaan.
6. Mematuhi etika pemakaian yang ditetapkan oleh Universiti sepertimana yang termaktub dalam Buku Panduan Staf, artikel 7.2: Etika Berpakaian.
7. Memantau pelaksanaan tugas Pengawas Peperiksaan dan memberi teguran sewajarnya sekiranya perlu.

Sekian, semoga komitmen dan keprihatinan tuan/puan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Ketua Pengawas dapat membantu perjalanan peperiksaan yang lebih berintegriti.

Terima kasih. Wassalam.

Ikhlas

  
**SHAMSUL AZHAR BIN MOHD YUSOF**  
Pendaftar

**CANSELORI  
CHANCELLORY**

**Bestari Jaya Campus:** Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Tel: +603 3280 5011 Fax: +603 3289 8770

**Shah Alam City Campus:** Jalan Zirkon A 7/A, Section 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Tel: +603 5522 3400 Fax: +603 5513 9143